

-Cipta kejayaan melalui usaha sendiri: PM

Jangan megah

BH - 9 AUG 1988

terima bantuan

KUALA LUMPUR, Isnin -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr **Mahathir Mohamad**, hari ini menggesa rakyat agar jangan berasa **megah** serta bangga menerima bantuan dan subsidi kerajaan, sebaliknya mencipta kejayaan melalui usaha sendiri.

Beliau berkata, kerajaan tidak mahu **menghabiskan wang berjuta-juta ringgit** setiap tahun membangunkan kemudahan untuk rakyat jika mereka sendiri tidak **dapat mengubah** sikap sedemikian.

Perdana Menteri berkata demikian di majlis penyampaian **Pingat Semai Bakti Felda** malam ini.

Dalam ucapannya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyentuh **fungsi** penubuhan Felda untuk membasmi kemiskinan di luar bandar dan meningkatkan kedudukan ekonomi negara.

Katanya, kerajaan mempunyai **tanggungjawab** bukan sahaja kepada Felda malah kepada petani, nelayan dan semua penduduk luar **bandar**.

"**Negara** kita adalah pengeluar minyak **sawit** utama dunia. Begitu **juga getah**. Tetapi harga komoditi ini tidak sentiasa tinggi. Ketika **harganya rendah**, wajarlah kerajaan **memberi bantuan** kepada kaum **tani**."

"Tetapi kalau harganya naik, bantuan tidak **lagi** wajar dihulurkan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan boleh **merancang** pelbagai program dan melaksanakan beraneka projek, tetapi yang menentukan **keja-**

yaan dan kegagalannya ialah masyarakat yang terbabit itu sendiri.

"Sungguhpun pendapatan peneroka tidak **sentiasa stabil**, tetapi **pada** keseluruhannya **pendapatan** mereka adalah **lebih** baik daripada **apa** yang diperolehi sebelum **tanah** rancangan **seper-ti** Felda ditubuhkan.

"Memanglah kalau diikutkan **hati**, kalau dimanjakan rasa, pendapatan setinggi **mana** pun masih belum mencukupi.

"**Kita patut** mengubah sikap. Kita mesti belajar berjimat-cermat. Yangdikaiskan pagi tidak seharusnya dihabiskan **pada waktu** pagi."

Jimat wang

"Ingatlah hari ini harga **getah dan kelapa sawit** tinggi dan **kita** mempunyai **wang**. Tetapi harga yang tinggi tidak kekal **selama-lamanya**. Oleh itu **kita** perlu mempunyai **simpanan** atau pelaburan lain," ujarnya.

Perdana Menteri seterusnya memuji Felda kerana mewujudkan sistem yang dapat **mendorong** kakitangannya berkhidmat dengan **penuh tanggungjawab** melalui pemberian **Pingat Semai Bakti, Hadiah Pengurus Terbaik dan Pingat Emas** kepada ketua-ketua **peneroka**.

Datuk Seri Dr Mahathir berharap penerima **pingat** dan hadiah itu akan melahirkan **semangat** baru yang dapat menggalakkan pengeluaran yang lebih tinggi.